



22110185



**MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 1**

Wednesday 11 May 2011 (morning)  
Mercredi 11 mai 2011 (matin)  
Miércoles 11 de mayo de 2011 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

---

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1.

“Pada zaman dahulu,” kata Manora tenang, setenang air di tasik, “Sangkuriang sangat mencintai Dayang Sumbi, ibu kandungnya sendiri. Kerana tidak dapat menerima cinta anaknya itu, Dayang Sumbi pergi ke sebuah tempat yang tinggi dan terjun sehingga meninggalkan bekas lubang yang sangat besar. Sangkuriang yang ketika itu sedang membuat perahu, merasa  
5 sangat marah dan menendang perahu itu hingga jatuh terlungkup di suatu tempat. Tempat itu sekarang dipanggil Gunung Tangkuban Perahu. Sementara tempat ibu kandungnya terjun itu, dinamakan Kawah Ratu. Nah, menarik bukan?” Soal Manora.

“Ya, menarik kerana kita makan di Restoran Sangkuriang.”

“Ah! Kamu,” kata Manora manja. Kembali tersipu-sipu.

10 Itu bahagian daripada cebisan kenangan lama. Soalnya sekarang, bagaimana rupa Manora selepas beberapa tahun tidak menemuinya. Tentulah dia semakin dewasa dan lebih cantik daripada dahulu. Semakin dewasa, semakin memukau lelaki. “Sangkuriang juga begitu. Jatuh cinta kepada wanita lebih dewasa, meskipun itu adalah ibu kandungnya sendiri. Kerana wanita dewasa lebih mengagumkan daripada apa yang digambarkan penyair tentang seorang gadis,” saya bergumam  
15 di dalam hati.

Sebaliknya suasana menjadi sepi seketika sebelum pemandu kereta di sebelah saya mengejutkan dengan suara garau. “Bapak terus ke rumah Manora atau singgah di mana-mana dahulu?” Soalnya.

20 Saya tidak segera menjawab. Tetapi, saya memang hendak segera ke rumah Manora. Terburu-buru hendak menemui seorang gadis selepas beberapa tahun tidak bertemu adalah wajar. “Mengapa harus berpura-pura, jika rindu melonjak-lonjak seperti api?” Satu suara yang aneh bergema dalam diri saya.

Tetapi sebelum soalan itu berjawab, tiba-tiba telefon bimbit pemandu kereta tumpangan saya itu berbunyi, nyaring sekali. Saya melihat wajahnya berubah dalam sekelip mata, sebelum  
25 memberhentikan kereta di tepi jalan dan memberitahu kedudukan kami kepada pemanggil di hujung talian. Saya mendengar dia menyebut kami sedang melalui jalan ke barat tidak jauh dari Masjid Raya Bandung. Lalu dia mengangguk-anggukkan kepala dan berkata, “Baik, pak,” beberapa kali sebelum memutuskan perbualan. Lalu dia termenung seketika, merenung jauh ke hadapan seolah-olah terkhayal ketika saya bertanya.

30 “Ada apa pak, tiba-tiba berhenti di tepi jalan?” Saya memandangnya dengan penuh tanda tanya. Dia tidak segera menjawab.

“Ada apa pak?” Saya menyoal lagi dengan wajah berkerut, apabila pemandu itu masih mendiamkan diri. “Ada masalah keluarga atau jalannya macet di hadapan?” Sambung saya dengan perasaan hati yang terus berteka-teki.

35 Pemandu itu cuba mengukir senyum, tetapi tawar. “Ya, macet,” katanya selamba. Tetapi saya tahu itu bukan jawapan yang jujur.

“Maafkan saya, pak. Kita tidak bisa meneruskan perjalanan. Saya diberitahu supaya membawa bapak kembali segera ke Jakarta,” katanya serba salah.

40 “Kenapa?” Soal saya lebih serba salah lagi. “Jika kembali ke Jakarta sebelum bertemu Manora, perjalanan ke Kota Bandung hanyalah sebuah perjalanan yang sia-sia,” saya terganggu seketika.

“Maafkan saya, pak,” dia memohon maaf ikhlas.

“Tapi bagaimana dengan hajat saya hendak bertemu Manora?”

Pertanyaan itu datang bertubi-tubi seperti penumbuk tinju.

- 45 “Saya tahu hajat bapak sangat besar hendak bertemu Manora,” katanya kemudian seperti mengetahui apa yang bermain di kepala saya.  
“Jadi, kenapa tidak meneruskan perjalanan?”  
Dia tidak segera menjawab. Lama kemudian baru dia bersuara, “Sebaiknya kita balik ke Jakarta, pak.”
- 50 “Kenapa harus tiba-tiba berpatah balik ke Jakarta.”  
“Saya diberitahu, jalan berhadapan Masjid Raya, jalan yang kita hendak lalui untuk sampai ke rumah Manora sudah ditutup.”  
“Kenapa?” Soal saya terus mencari kepastian.  
“Puluhan ribu warga Bandung sedang mengadakan demonstrasi, membantah tindakan Malaysia menggunakan beberapa pemandangan di Kota Bandung sebagai iklan pelancongannya dalam saluran *Discovery Channel*. Justeru, mereka mahu menangkap sesiapa sahaja rakyat Malaysia yang datang di kota Bandung dan membunuhnya dengan buluh runcing, pak.”

Jasni Matlani, *Berita Minggu* (2009)

2.

### Perjuangan

Dalam keperitan kehidupan  
manusia terus berdiri tertib  
dalam cabaran liku-liku kehidupan  
dalam keperitan, cabar mencabar  
5 tidak terhenti,  
membangun dan dibangun  
berteriak dengan lantang  
suaramu didengar,  
dicabar dan mencabar  
10 memimpin generasi penerus  
usia yang awal jatuh bangun  
hanya sindiran dan tomahan (caci maki)  
siapa yang peduli siapa yang merasa  
hati dan badan tenggelam dalam kebangkitan  
15 keagungan bangsa, agama dan masyarakat  
bukan sekadar nyanyian atau cerita kosong.

Kegelisahan diburu cemburu dunia  
pembaharuan  
zaman berganti menegak panji-panji  
20 anak bangsa di mimbar  
persada dunia.

Kini lahir anak yang cekal  
maju di bumbung bumi ini  
harapan negara bangsa tercinta  
25 mengharumkan nama memartabatkan negara  
disanjung dipuji kebanggaan rakyat.

Namun  
penyakit dunia menyiksa diri  
lupa amal, ibadat terpinggir  
30 wang, pangkat, harta menjadi pujian  
mimpi indah, dininabobokan  
ayat quran menjadi panduan  
amalan duniawi satu kepentingan  
takwa dan iman, harta kebanggaan diri  
35 runtuhnya diri hilang panduan.

Mohd Diani Kasian, *Legasi* (2006)